

HUBUNGI SKUAD KUALA LANGAT / SEPANG:
NURUL FIRDAUS KHAIRI - 019-6680920/ 019-3371086

KUALA LANGAT / SEPANG

Balai boma siap tahun depan

Perkhidmatan menyelamat dapat ditambah baik, penduduk suarakan kelegaan

TELOK PANGLIMA GARANG - Projek pembinaan balai boma dua tingkat di Telok Panglima Garang, bakal siap selewat-lewatnya Januari tahun depan.

Ketua Balai Bomba Dan Penyelamat Banting, Mohd Jaslizad Jalil berkata, perkhidmatan sebuah lagi balai boma di daerah ini akan meningkatkan perkhidmatan menyelamat sekiranya berlaku kecemasan atau bencana.

Menurutnya, projek berhampiran Plaza Tol Telok Panglima Garang itu mula dibina Mac tahun lalu.

"Kita harap ia beroperasi sebaik dapat kelulusan CCC (Perakuan Siap dan Pematuhan) daripada MDKL (Majlis Daerah Kuala Langat) dalam jangkaan selepas dua bulan tarikh siap."

"Saya difahamkan kemudahan yang dibina termasuk ruang jentera, ruang pejabat, menara kawad, 'tra-



MOHD JASLIZAD



ABDUL RAZAK

tuk ke lokasi kejadian.

"Pelbagai usaha dijalankan, termasuk menambah sebuah lagi balai boma," katanya.

Sementara itu, Pengurus Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Zon 5 Telok Panglima Garang, Abdul Razak Abdul Latiff berkata, pembinaan tersebut persembangan yang baik untuk operasi menyelamat.

"Sebelum ini, ada beberapa kes kebakaran dan kemalangan masa yang diambil boma un-



Sebuah balai boma dua tingkat sedang dibina di Telok Panglima Garang.

ra Klang dan Banting gagal diselamatkan atas faktor jarak.

"Penduduk terutama di kawasan Telok Panglima Garang harap, operasi menyelamat dapat dilakukan lebih cepat bagi mengelakkan kejadian tragis," katanya.

Bagi penduduk, Zainol Kamarul, 40, berkata, dia memang mengharapkan pem-

binaan sebuah balai boma baru yang dilengkapi pelbagai kemudahan menyelamat di kawasan itu.

Menurutnya, pelbagai kejadian melibatkan musibah atau kerinalangan memerlukan perkhidmatan boma.

"Kemudahan dan sistem peralatan yang canggih akan melancarkan lagi tugas

bomba.

"Penduduk sekitar pun mesti lega bila kemudahan itu dapat dimanfaatkan," katanya.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan beberapa aduan masyarakat mengenai keperluan untuk mewujudkan sebuah lagi balai boma di Kuala Langat.

Gelaran Datuk bukan halangan terus dekati rakyat

BANTING - Menerima gelaran Datuk, bukan penghalang Ahli Parlimen Kuala Langat, Datuk Abdullah Sani Abdul Hamid terus mendekati rakyat.

Menurutnya, beliau tidak akan melupakan jasa masyarakat yang banyak menyokongnya dan masih mahu bersama rakyat dengan penampilan seperti dahulu.

"Saya tak fikir bila dapat gelaran Datuk, kena ada jurang dengan rakyat. Saya nak terus dekati mereka."

"Memang orang akan kata, ada gelaran ni rakyat segan. Tapi bagi saya tu tak penting dan saya sendiri cuba untuk terus selesa bersama rakyat walau macam mana keadaan pun," katanya kepada *Sinar Harian* mengulas gelaran Datuk yang diterimanya, baru-baru ini.

Beliau antara 48 individu yang menerima Darjah Setia Pangku Negeri (DSPN) yang membawa gelaran Datuk



ABDULLAH SANI

Tak perlu ganti Azizah

■ SITI ZUBAIRAH MAT ISA

SHAH ALAM - Belum ada keperluan menggantikan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail daripada jawatannya sebagai ketua pembangkang dengan pentaksiran.

Timbalan Presiden Amanah, Salahuddin Ayub berkata, tidak ada sebarang pertimbangan untuk menggantikan Presiden Peraja Bersekutu, Tan Sri Muhyiddin Yusof sebagai ketua pembangkang yang baharu.

Keduduan Wan Azizah dalam Pakatan Harapan perlu dikaji semula kerana beliau telah menjalani tugasnya dengan baik," katanya.

MUHYIDDIN KETAU PEMBANGKANG?

Van Sri Muhr

"Ketua pembangkang adalah dituntut sebagai ketua pembangkang sekeras reformasi Pakatan Harapan"

Laporan *Sinar Harian*.

sempena sambutan ulang tahun ke-78 Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas.

Abdullah Sani juga Pemangku Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) sering dilihat lantang bersuara mengenai hak pekerja di Parlimen, terutama dalam isu hak gaji minima.

Beliau yakin penampilan dan gerak kerjanya masih sama seperti sebelum bergelar Datuk tanpa jurang perbezaan.

Dalam pada itu, Abdullah

Sani turut mengulas mengenai jawatan Ketua Pembangkang.

Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang bakal digantikan Presiden Peraja Bersekutu, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Menurutnya, belum ada keperluan menggantikan Wan Azizah kerana beliau masih menjalankan tugas dengan cemerlang.

"Apa pun, semua pemimpin perlu bekerja keras demi reformasi Pakatan

Harapan nanti.

"Soal ganti tempat Wan Azizah sebenarnya tak perlu lagi bincang, tapi kita masing-masing kena jalankan tugas dengan baik," katanya.

Sinar Harian baru-baru ini melaporkan kenyataan Timbalan Presiden Amanah, Salahuddin Ayub mengenai tiada keperluan menggantikan Wan Azizah daripada jawatannya sebagai ketua pembangkang dengan pemimpin lain.

Aktif tanpa politik

KAMPUNG SUNGAI LANG TENGAH - Beliau kampung disarankan bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti dianjurkan tanpa melibatkan fahaman politik.

Ketua Kampung Sungai Lang Tengah, Kandar Sadiman berkata, setiap program bermanfaat perlu disokong dan bukan hanya melihat pengjurannya dari aspek politik.

"Kita yang menganjurkan juga kena ketepikan ideologi politik jika mahu penyertaan ramai. Kalau tak, susahlah anak muda nak serta aktiviti kampung."

"Bila ramai yang turut serta dalam aktiviti akan jadi bukti kampung kita ni aktif," katanya.

Dalam pada itu, menurutnya, dalam situasi ekonomi sekarang, kebanyakan beliau tidak gembira meluangkan masa dengan aktiviti yang mengenakan bayaran penyertaan terlalu mahal.

"Masih ramai belia yang aktif dan sebagai pengajar kita kena fikirkan aktiviti yang sesuai dengan jiwa mereka, selain tidak membebankan."

"Pertandingan futsal contohnya mampu memberi impak kepada penyertaan belia, mereka suka terlibat dalam aktiviti sukan seperti itu," katanya.



KANDAR